

PERWATAKAN KAMARUL

Novel yang saya kaji berjudul Pelari Muda karya Ghazali Ngah Azia. Kamarul merupakan _____ dalam novel ini.

Perwatakan yang menarik bagi Kamarul ialah dia merupakan seorang yang _____. Sebagai contoh, Kamarul diduga dengan rintangan yang berat dalam hidupnya setelah dia menjadi seorang yang _____ kerana memenangi pingat emas dalam Sukan SEA di Brunei.

Selain itu, Kamarul sangat _____ orang tuanya. Contohnya, Kamarul sentiasa berlemah lembut ketika bercakap dengan emaknya, Mak Jah.

Di samping itu, Kamarul seorang yang mudah _____ atas kesilapannya. Sebagai contoh, Kamarul insaf akan kesilapannya yang selalu bersikap _____ dan kasar terhadap rakan-rakan dan jurulatihnya. Setelah sedar akan perbuatannya itu, dia kembali berlatih di bawah kendalian Encik Kadir sehingga berjaya menjadi juara dalam bidang yang diceburi.

insaf	gigih	sombong	watak utama	menghormati	terkenal
-------	-------	---------	-------------	-------------	----------

PERWATAKAN SARIDAH

Merujuk pada novel penulisan Ghazali Ngah Azia iaitu Pelari Muda, terdapat beberapa orang _____ yang membantu dalam perkembangan plot cerita ini. Antara watak sampingan yang selalu berdamping dengan watak utama ialah Saridah Binti Johari.

Antara perwatakan Saridah yang jelas kelihatan dalam novel ini ialah dia merupakan seorang yang _____. Sebagai bukti, dia menunggu Kamarul pada waktu rehat di _____. Pada awalnya, mereka telah berjanji untuk bertemu di lokasi tersebut untuk membincangkan masalah yang terjadi. Namun begitu, Kamarul langsung tidak menunjukkan batang hidungnya sehinggalah waktu rehat berakhir.

Selain itu, Saridah juga merupakan seorang yang _____. Sebagai contoh, dia sudi memaafkan kesalahan Kamarul. Dia telah menulis surat kepada Kamarul dan meminta Juriah untuk menghantarkan surat tersebut. Dalam surat tersebut, Saridah _____ kepada Kamarul dan menyatakan bahawa dia sudi memaafkan kesalahan Kamarul yang bersikap mementingkan diri itu.

Seterusnya, Saridah ialah seorang yang _____. Contohnya, dia ingin _____ Juriah makan.

pemaaf	perpustakaan	baik hati	menepati janji	belanja	meminta maaf
watak sampingan					